

  
**MAJLIS DAERAH**  
**Bandar Baharu**  
**KENYATAAN TAWARAN**

RUJUKAN FAIL : MDBB(T) 0.0184/BP.1/2021

Bertarikh: 30 Mac 2021

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Bandar Baharu, Pusat Khidmat Kontraktor ( PKK ) dan Lembaga Pembangunan Industri ( CIDB )** yang tercatat di bawah serta masih dibenarkan menyertai tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

KELAS/TAJUK	TAJUK KERJA		NO. SEBUTHARGA
<b>CIDB GRED : G1</b> <b>KATEGORI : CE &amp; B</b> <b>KOD KHUSUS : CE21 &amp; B04</b>	1.	Menaiktaraf Dewan Seri Tasik, Serdang, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0184/BP.1/2021/1

KELAS/TAJUK	TAJUK KERJA		NO. SEBUTHARGA
<b>CIDB GRED : G2</b> <b>KATEGORI : CE &amp; B</b> <b>KOD KHUSUS : CE21 &amp; B04</b>	1.	Menaik Taraf Pasar Awam Lama Serdang, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0184/BP.1/2021/2
	2.	Menaik Taraf Pasar Awam Lubuk Buntar, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0184/BP.1/2021/3



2. Dokumen Sebutharga akan hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang sah sahaja. Oleh itu, kontraktor adalah dikehendaki membawa **surat pendaftaran asal** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** dan **Lembaga Pembangunan Industri ( CIDB )** dengan pusat berkenaan.
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga RM20.00 bagi **Kelas G1** dan RM50.00 bagi **Kelas G2** daripada **Bahagian Kejuruteraan, Projek & Penyelenggaraan, Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman** di alamat Majlis Daerah Bandar Baharu, 09800 Serdang, Kedah Darul Aman.
4. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN** tetapi Pihak kontraktor boleh melawat sendiri kawasan atau tapak bagi membantu kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga dengan mematuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan selaras dengan **GARIS PANDUAN AMALAN PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Pihak kontraktor sama sekali **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghantar **WAKIL SYARIKAT** dan hanya **PENAMA PADA LESEN PENDAFTARAN** sahaja yang **DIBENARKAN** untuk membeli naskah dokumen tawaran.
6. Dokumen sebutharga akan mula dijual pada 06 April 2021 sehingga 14 April 2021 sahaja bermula pada pukul 09.00 pagi sehingga 12.00 tengahari .
7. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis tajuk kerja atau nombor sebutharga di sebelah kiri sampul surat dan dihantar supaya sampai ke peti tawaran di **Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 14 April 2021 (Rabu).



8. Jawatankuasa Sebutharga Majlis Daerah Bandar Baharu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang ditawarkan. Keputusan jawatankuasa sebutharga **Majlis Daerah Bandar Baharu** adalah **muktamad**.

DENGAN PERINTAH



YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU,  
SERDANG, KEDAH DARUL AMAN.

